

NATIONAL DAY RALLY 2012

UCAPAN OLEH PUAN HALIMAH YACOB MENTERI NEGARA (PEMBANGUNAN MASYARAKAT, BELIA DAN SUKAN), DI UNIVERSITY CULTURAL CENTRE, AHAD, 26 OGOS 2012

1 Izinkan saya bermula dengan mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan, dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

2 Tuan-tuan dan Puan-puan,

3 Berbekalkan modal yang dinamakan tekad, usaha bersepadu, dan kegigihan, masyarakat Melayu/Islam kita kini sudah banyak mengecap kemajuan, sejajar dengan kemakmuran negara. Ramai anak Melayu kita menjulang kejayaan cemerlang dalam pendidikan. Semakin ramai anggota masyarakat kita juga mendapat pekerjaan dan pendapatan yang baik.

4 Sebagai contoh, pencapaian Adil Hakeem Mohamad Rafee, menjadi penerima Biasiswa Presiden – iaitu biasiswa paling tinggi di negara ini - membuktikan masyarakat kita sama pandai, sama berbakat dan sama berkebolehan sebagaimana orang lain. Kejayaan Adil juga menunjukkan betapa anak-anak Melayu Islam semakin yakin untuk mencapai kejayaan peringkat tinggi dalam bidang masing-masing.

5 Namun, sedang masyarakat kita bergerak maju, dunia turut pesat berubah. Perubahan ini didorong oleh kemajuan teknologi dan persaingan hebat antara negara. Perubahan sejagat ini juga menjejaskan Singapura dan seterusnya masyarakat kita.

6 Tuan-tuan dan Puan-puan,

National Archives of Singapore

7 Saya percaya, kita perlu bersedia dan mendorong diri kita supaya lebih cemerlang dalam Tiga "P" – iaitu Pendidikan, Pekerjaan dan Perhubungan Keluarga. Hakikatnya, memang kita sudah moden dan maju. Tetapi kita belum lagi memenuhi potensi kita yang sebenar! Walhal, masyarakat kita mempunyai banyak kekuatan. Misalnya, sebagai sebuah masyarakat, kita mempunyai daya kreativiti yang tinggi, yang di perlukan sektor-sektor seperti IT, perhubungan dan fesyen. Anda pasti kenal dengan pereka fesyen Ashley Isham. Beliau pereka terkenal di London. Ashley Isham menyediakan pakaian mewah untuk wanita-wanita ternama - membuktikan kita juga mampu bersaing di persada antarabangsa.

8 Satu lagi modal kita ialah, kita mempunyai ramai tenaga muda. Kita mesti menarik dan membangun potensi para belia kita. Kenapa? Kerana mereka boleh mainkan peranan yang lebih penting lagi untuk membina masyarakat kita.

9 Kesimpulannya, untuk terus maju, semua pihak dalam masyarakat kita perlu ada tekad, ada kesungguhan dan ada komitmen untuk memperkasa jati diri masyarakat kita. Kita perlu beri sepenuh perhatian dan jangan jemu-jemu bekerja keras demi kebaikan semua.

10 Tuan-tuan dan Puan-puan,

11 Saya yakin dibawah sistem meritokrasi, dan bermodalkan usaha gigih kita, masyarakat Melayu/Islam mampu mendaki tangga kejayaan yang jauh lebih tinggi.

12 Terima kasih.